

# PEMADAM UMS jayakan Program Drug's Free Zone

UB 29.11.2018 B2

KOTA KINABALU: Kelab Mahasiswa PEMADAM Universiti Malaysia Sabah (KMPUMS) menjayakan Program UMS Drug's Free Zone di setiap Kolej Kediaman UMS mulai 20 Oktober sehingga 17 November 2018.

Jelajah bermula dari kolej kediaman USIA UMS iaitu

pada Sabtu 20 Oktober 2018 dan berakhir pada 17 November 2018 di Kolej Kediaman Tun Fuad UMS. Seramai 130 Mahasiswa/i UMS terlibat sepanjang program itu dijalankan.

Program itu adalah suatu perkongsian dari speaker yang merupakan ahli Kelab Mahasiswa Pemadam UMS

yang berkongsi tentang jenis-jenis dadah, simptom pengambilan dadah, kesan dadah dan kesedaran dadah.

Sesi soal jawab dan akur janji dadah turut dilakukan.

Dengan adanya program sebegini, kesedaran tentang dadah dalam kalangan mahasiswa semakin meningkat.



SESI bergambar bersama ahli Kelab PEMADAM UMS bersama Jakmas KKU1B.